

SOALAN NO: 21**PARLIMEN MALAYSIA**
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : Lisan****DARIPADA : Dato' Haji Mohd Fasih Bin Haji
Mohd Fakeh [Sabak Bernam]****TARIKH : 27 NOVEMBER 2017 (Isnin)****SOALAN : Dato' Haji Mohd Fasih Bin Haji
Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan jumlah
keluasan tanah negara ini yang
digunakan untuk tujuan pertanian serta
nyatakan langkah Kementerian bagi
memastikan jaminan bekalan makanan
negara dapat dicapai serta cabaran dan
halangan untuk terus memajukan sektor
pertanian.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah keluasan tanah untuk tujuan pertanian makanan dan penternakan sehingga kini ialah 965,174.89 hektar. Keluasan ini **tidak termasuk** keluasan guna tanah bagi tanaman perladangan industri seperti kelapa sawit, getah dan koko.

Jaminan bekalan makanan negara dapat dicapai melalui pengeluaran dalam negara dan import. Kekurangan pengeluaran dalam negara akan ditampung melalui import. Dalam perkara ini, antara usaha Kementerian bagi memastikan bekalan dan pengeluaran dalam negara terjamin adalah melalui pelaksanaan projek- projek seperti berikut:

- (i) Melaksanakan Projek Berimpak Tinggi seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA) dan Ladang Kontrak;
- (ii) Membangunkan 4 kawasan pembangunan pertanian bersepadu (IADA) iaitu Pekan dan Rompin di Pahang, Batang Lupar di Sarawak dan Kota Belud di Sabah sebagai jelapang padi negara yang baru;
- (iii) Mengoptimumkan produktiviti pengeluaran hasil melalui penggunaan benih berhasil tinggi, mekanisasi dan automasi, mengurangkan kerugian lepas tuai serta peningkatan intensiti tanaman;
- (iv) Membangunkan industri tenusu termasuk baka bagi mengurangkan import susu dan hasil tenusu;
- (v) Membangunkan industri jagung bijian di kawasan-kawasan pertanian seperti di luar jelapang padi bagi menangani import makanan ternakan;

- (vi) Menyediakan stok penimbal beras bagi memastikan bekalan beras yang mencukupi; dan
- (vii) Melaksanakan pelbagai projek agromakanan yang mempunyai potensi tinggi seperti akuakultur, rumpai laut, sarang burung walit, produk herba, buah-buahan dan sayur-sayuran serta makanan proses premium melalui program Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA).

Selain itu, cabaran dan halangan untuk terus memajukan sektor pertanian negara adalah seperti berikut :

- (i) kekurangan tanah untuk tujuan pengeluaran makanan serta kesan perubahan iklim yang menjejaskan pengeluaran. Dalam hubungan ini, isu-isu berkaitan bekalan biji benih, baka ternakan dan benih ikan berkualiti, penggunaan teknologi, kecukupan infrastruktur dan keperluan kawalan biosekuriti perlu diperkukuhkan bagi meningkatkan pengeluaran makanan negara;
- (ii) dominasi oleh kelompok petani, penternak dan nelayan berumur di antara 45 hingga 64 tahun yang menyukarkan pemindahan pengetahuan dan teknologi. Untuk itu, produktiviti setiap pekerja dalam era *internet of things* akan terus dipertingkatkan;
- (iii) memastikan harga makanan yang berpatutan kepada pengguna dan dalam masa yang sama memastikan pulangan adalah setimpal dan menguntungkan kepada petani, penternak dan nelayan; dan
- (iv) meningkatkan daya saing keluaran hasil dan produk pertanian negara serta mengurangkan kos pengeluaran memandangkan sektor agromakanan masih bergantung kepada input-input pertanian yang diimport dari luar negara seperti benih, baka dan makanan ternakan.